

TRETINOIN

A. APAKAH KEGUNAAN UBAT INI?

- ✚ Ubat ini untuk merawat jerawat



B. BAGAIMANA UBAT INI BERTINDAK?

- ✚ Ubat ini bertindak dengan menghalang liang roma kulit tersumbat dan memberi kesan anti radang

C. BAGAIMANA UBAT INI DIGUNAKAN?

A. CARA PENGGUNAAN

- ✚ Sapu ubat ini seperti diarahkan oleh doktor.
- ✚ Ubat ini boleh disapu pada muka sebelum tidur setelah dibersihkan
- ✚ Ubat ini perlu diambil secara berterusan dan pada waktu yang sama

B. JIKA TERLUPA

- ✚ Guna dos yang terlupa sebaik sahaja teringat TETAPI abaikan dos tersebut jika telah hampir masa untuk dos seterusnya.
- ✚ Jangan gandakan dos ubat untuk menggantikan dos yang terlupa.

C. BAGAIMANAKAH ANDA PERLU MENYIMPAN UBAT INI?

- ✚ Simpan ubat dalam bekas asal pada suhu bilik (23°C - 27°C), jauh dari haba, kelembapan dan cahaya matahari.
- ✚ Jauhkan daripada kanak-kanak.



D. PERINGATAN !!!



➤ **SEBELUM MENGAMBIL UBAT INI**

- ✚ Hanya untuk kegunaan luar sahaja
- ✚ Penggunaan berlebihan perlu dielakkan
- ✚ Tretinoin tidak boleh disapu pada mata, mulut atau permukaan mucus yang lain
- ✚ Sekiranya anda hamil, merancang untuk hamil dan memberi susu badan beritahu doktor

➤ **SEMASA MENGAMBIL UBAT INI**

- ✚ Elakkan terdedah kepada cahaya matahari berlebihan
- ✚ Penggunaan serentak dengan ubat penggelupasan yang lain akan meningkatkan kesan keradangan.
- ✚ Mengalami alahan/keradangan yang teruk dan berterusan , anda perlu menghentikan rawatan dan berjumpa doktor.



AMARAN !!

E. KESAN SAMPING UBAT

SEKIRANYA
TANDA-
TANDA INI
BERLARUTAN
SILA
RUJUK
DOKTOR

- ✚ Pesakit mungkin akan mengalami kesan-kesan berikut:
 - Rasa terbakar pada kulit
 - Kulit mengelupas
 - Kemerahan pada kulit
 - Kekeringan dan rasa panas

- ✚ Pesakit perlu melaporkan kepada doktor atau ahli farmasi sekiranya mengalami kesan seperti berikut:
 - Rasa terbakar dan menyengat yang teruk
 - Pengelupasan dan kemerahan yang teruk pada kulit yang dirawat
 - Pemutihan pada kulit yang dirawat

Rujukan:

- Micromedex
- Lexicomp
- Drugs.com
- rxlist.com
- BNF 70
- medicinenet.com/
- netdoctor.co.uk
- Sisipan maklumat ubat

Sebarang pertanyaan mengenai ubat-ubatan, sila hubungi Jabatan Farmasi, Hospital Universiti Sains
Malaysia. 09-7673000 sambungan:

Unit Farmasi Klinikal dan Maklumat Drug : 3384/3386

Unit Farmasi Pesakit Luar : 3393/3394

